



LAPORAN TAHUNAN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU





Perutusan Pengarah

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Malaysia Madani**

Alhamdulillah, dipanjatkan rasa kesyukuran saya kehadiran Illahi kerana dengan rahmat dan izinNya, Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan bagi tahun 2023.

Laporan tahunan ini memberikan gambaran keseluruhan gerak kerja JAS Terengganu untuk dikongsikan bersama dengan orang awam khususnya berhubung pengurusan alam sekitar, status kualiti alam sekitar di Terengganu dan kerja-kerja penguatkuasaan yang dijalankan sepanjang tahun 2023.

Adalah diharapkan agar perkongsian ini dapat meningkatkan lagi komitmen dan kerjasama orang awam dengan JAS Terengganu dalam melaksanakan tanggungjawab bersama dalam menjaga alam sekitar kita.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Terengganu, agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pihak Industri dan Swasta, pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu-individu yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada JAS Negeri Terengganu melaksanakan tanggungjawab memelihara kualiti alam sekitar di Negeri Terengganu.

“ Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”

Sekian, terima kasih.



RAMLI BIN ABD. RAHMAN

Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu



Isi Kandungan

- 2 Muka Surat
Perutusan Pengarah
- 4 Muka Surat
Objektif
- 5 Muka Surat
Strategi, Visi dan Misi
- 6 Muka Surat
Piagam Pelanggan
- 9 Muka Surat
Bahagian Pentadbiran 2023
- 10 Muka Surat
Carta Organisasi 2023
- 12 Muka Surat
Laporan Penjawatan 2023
- 13 Muka Surat
Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023
- 14 Muka Surat
Senarai Kehadiran Kursus
- 15 Muka Surat
Bahagian Operasi 2023
- 16 Muka Surat
Unit Kenderaan Bermotor
- 18 Muka Surat
Operasi Video Kamera
- 20 Muka Surat
Aktiviti Mencegah Pembakaran Terbuka
- 23 Muka Surat
Program Pencegahan Pembakaran Terbuka
- 26 Muka Surat
Unit Punca Tetap
- 27 Muka Surat
Unit Pendakwaan – Mengikut Pertuduhan Dan Jumlah Denda Serta Jenis Kesalahan
- 29 Muka Surat
Bahagian Pembangunan 2023
- 30 Muka Surat
Unit EIA & Input Pembangunan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling
- 33 Muka Surat
Unit Input Pembangunan Penilaian Awal Tapak (PAT)
- 35 Muka Surat
Lawatan Tapak (Penilaian Awal Tapak)
- 38 Muka Surat
Program–Program Komunikasi, Pendidikan Dan Kesedaran Awam (CEPA) Di Bawah Unit Pendidikan & Kesedaran Alam Sekitar JAS Terengganu Tahun 2023
- 41 Muka Surat
Program Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2023

Objektif

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu




- Mengawasi keadaan alam sekitar dengan menentukan kualiti segmen – segmen alam sekitar iaitu sungai, udara, air laut, dan tanah mematuhi garis panduan yang ada dan melaporkan kepada pihak-pihak berkenaan untuk tindakan pembaikan dan pemuliharaan;



- Memelihara dan mengawal pencemaran dengan memastikan pengilang- pengilang, pemaju projek, dan pihak-pihak berkenaan mematuhi Akta Peraturan-peraturan dan Standard-standard yang dikuatkuasakan;



- Mencegah masalah alam sekitar daripada berbangkit dengan memastikan pemaju projek mengambil kira faktor-faktor alam sekitar dalam perancangan dan pelaksanaan dasar, program, pelan dan projek-projek pembangunan; dan



- Mempertingkatkan perhubungan dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri, Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memelihara, mengawal, dan mencegah kemerosotan kualiti alam sekitar.

Strategi

Pelaksanaan Kerja Bagi Mencapai Objektif



- Pengawasan dan pencegahan pencemaran dengan mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya;
- Melalui perancangan projek bersepadu, faktor-faktor alam sekeliling diserap dalam semua perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek selaras dengan kehendak – kehendak Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling , 1987 (sehingga 27 Ogos 2015) dan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2015.
- Pendidikan alam sekitar dan sebaran maklumat alam sekitar secara formal dan tidak formal diberi penekanan dengan mengadakan ceramah dan pameran, mewujudkan Perpustakaan Jabatan serta pelbagai program alam sekitar.

Visi dan Misi

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu



VISI

Pemuliharaan Alam Sekitar
Untuk Kesejahteraan Rakyat



MISI

Memastikan Pembangunan
Lestari di dalam Proses
Memajukan Negara

SLOGAN Q JABATAN

Integriti Menjana Kecemerlangan

SLOGAN MS ISO 9001:2008

Perkhidmatan Terbaik Untuk Kepuasan Hati Pelanggan

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

Piagam Pelanggan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu

Wawasan

//
Kami semua adalah peka, prihatin dan sentiasa mengkaji semula setiap peruntukan undang-undang, peraturan, kaedah, piawaian, prosedur dan budaya kerja kami supaya tidak menjejaskan atau membawa kepada kesan-kesan negatif kepada pertumbuhan pembangunan yang berterusan; malah kami akan membawa pelbagai pembaharuan yang mungkin, untuk bersama-sama mencapai matlamat **WAWASAN 2020** **//**

Kelulusan Perancangan Projek

- Keputusan permohonan Kebenaran Bertulis (KB) untuk membangunkan Premis-Premis Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual) dalam tempoh 2 bulan.
- Keputusan permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi pemasangan Alat Pembakaran Bahanapi (APB) dan alat-alat kawalan pencemaran udara dikeluarkan dalam tempoh 3 minggu.
- Keputusan ke atas laporan kajian awal EIA yang lengkap dikeluarkan dalam tempoh 5 minggu.
- Keputusan Permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT) bagi aktiviti pembangunan baru dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu.



Piagam Pelanggan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu

Pengeluaran Lesen-lesen

- Pengeluaran lesen bagi permohonan pengeluaran lesen kilang getah adalah selewat-lewatnya 31 Mac setiap tahun
- Pengeluaran lesen bagi permohonan pembaharuan lesen kilang kelapa sawit selewat-lewatnya 30 Jun setiap tahun
- Pengeluaran lesen bagi permohonan pembaharuan lesen premis yang ditetapkan buangan terjadual adalah selewat-lewatnya 30 April setiap tahun.

Penguatkuasaan

- Semua aktiviti penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 akan sentiasa dipertingkatkan dan diperketatkan untuk menjamin pencapaian tahap pematuhan maksimum, dan menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang alam sekitar dengan tegas, penuh adil dan saksama.
- Semua kes tindakan mahkamah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam tempoh 6 bulan dari tarikh penyiasatan atau tarikh kesalahan.

Pengaduan Awam

- Semua kes aduan berkaitan alam sekitar akan disiasat dan diambil tindakan dalam tempoh 14 hari.





BAHAGIAN PENTADBIRAN 2023

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu

Rajah 1 : Carta Organisasi Tahun 2023

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu





TARIKH KEMASKINI:
10.10.2023

Laporan Perjawatan Tahun 2023


Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu

Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
52	52	2

Jadual 1 : Laporan Perjawatan Tahun 2023


Rajah 2 : Graf Perjawatan Tahun 2023

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu



**1 MOHAMAD HAFIZ ZULKARNAIN
BIN AZMAN**

Pegawai Kawalan Alam Sekitar
Gred C41/44

**2 NUR FAEZAH
BINTI MOHD ZALI**

Pegawai Kawalan Alam Sekitar
Gred C41/44

**3 WAN NOR HIDAYAH
BINTI WAN HASSAN**

Pembantu Tadbir
Gred N22 (KUP)

**4 SYARIFAH ZUNAIRAH
BINTI TUAN AZEHA**

Pembantu Tadbir
Gred N22 (KUP)


Senarai Kehadiran Kursus 2023

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu

Senarai Kehadiran Kursus Tahun 2023 Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu			
Jumlah Kakitangan	0-3 Hari	4-7 Hari	Peratus Kehadiran
53	0	53	100%

Jadual 2 : Senarai Kehadiran Kursus 2023

Rajah 3 : Senarai Kehadiran Kursus Tahun 2023



BAHAGIAN OPERASI 2023

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu

Unit Kenderaan Bermotor

JAS Negeri Terengganu turut menguatkuasakan pelepasan pencemaran dari kenderaan bermotor. Program-program penguatkuasaan dirancang dan dilaksanakan melalui aktiviti rondaan dan lawatan penguatkuasaan.

Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan

Aktiviti penguatkuasaan pelepasan asap hitam ini dijalankan melalui pelaksanaan program berikut:

- i. Program operasi bersepadu bersama pelbagai agensi kerajaan; dan
- ii. Program operasi JAS peringkat kebangsaan.

Setiap kenderaan yang ditahan akan melalui dua (2) peringkat ujian iaitu ujian pemerhatian/visual ke atas pelepasan asap hitam dengan cara menekan pedal kenderaan dan ujian kedua adalah dengan menggunakan peralatan meter asap Tecnomotor OPA 840 Plus. Peringkat ujian pemerhatian akan mengenalpasti kenderaan yang dijangka melepaskan asap hitam melebihi piawai yang dibenarkan, dan seterusnya akan ditahan untuk diuji menggunakan peralatan meter asap bagi ujian yang lebih tepat serta untuk mendapatkan nilai pelepasan asap hitam yang dikeluarkan oleh kenderaan. Pelepasan asap hitam yang melebihi Had 50 HSU atau 50.0% yang dibenarkan akan dikenakan tindakan kompaun.



Pada tahun 2023, sebanyak 1605 kenderaan telah diuji, 1584 daripadanya patuh dan 21 kenderaan tidak mematuhi had pelepasan asap hitam yang dibenarkan dan dikompaun. Kompaun maksimum berjumlah RM2,000 dikeluarkan kepada pemilik-pemilik kenderaan yang didapati melepaskan asap melebihi had yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. Jadual 3 menunjukkan pencapaian pematuhan Unit Kenderaan Bermotor bagi tahun 2023

Jadual 3 : Pencapaian Pematuhan Unit Kenderaan Bermotor Tahun 2023

Kenderaan	Uji	Patuh	Tidak Patuh
Kenderaan Berenjin Diesel	1605	1584	21
CO/HC Motokar	48	43	5
Bunyi Bising Motosikal	49	30	19
CO/HC Motosikal	1	1	0

Tindakan Kompaun

Sebanyak 26 tawaran kompaun telah dikeluarkan sepanjang tahun 2023 bagi kesalahan-kesalahan melepaskan asap hitam dari kenderaan berbanding 20 kompaun pada tahun 2022. Jadual 4 menunjukkan jumlah kes yang dikompaun bagi tahun 2021 hingga 2023 di Negeri Terengganu

Jadual 4 : Bilangan Kompaun Yang Dikeluarkan dari Tahun 2021 Sehingga 2023

Tahun	2021	2022	2023
Petrol	19	0	5
Diesel	11	20	21
JUMLAH (KOMPAUN)	30	20	26



Operasi Video Kamera

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu juga turut menjalankan operasi terhadap kenderaan bermotor menggunakan video kamera. Jadual 5 menunjukkan perincian statistik operasi yang telah dijalankan.

Jadual 5 : Perincian Operasi Catat (OPS CATAT) menggunakan Kamera Video atau Kamera Digital

Bil Operasi	Bil Kenderaan	Notis Arahan
206	25785	3

Gambar Aktiviti Unit Kenderaan Bermotor JAS Terengganu Tahun 2023



Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling
(Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007



Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling
(Pengurusan Refrigeran) 2020



Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020



Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996



Penguatkuasaan di Kemudahan yang dilesenkan (KYDL)



Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996



Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987

Aktiviti Mencegah Pembakaran Terbuka / Aduan / Kontigensi

Aduan-aduan pencemaran yang diterima dari orang awam merupakan input penting dalam merancang program dan keutamaan penguatkuasaan di samping bertindak sebagai petunjuk keberkesanan penguatkuasaan yang dijalankan. Setiap aduan yang diterima akan disiasat bagi menangani masalah berbangkit dengan sebaik mungkin.


Sepanjang tahun 2023, sejumlah 286 aduan diterima berbanding sejumlah 206 aduan pada tahun 2022. Aduan pencemaran udara merupakan aduan yang paling tinggi diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu iaitu 76% sepanjang tahun 2023 dan diikuti oleh lain-lain aduan (12%), air (6%), buangan terjadual (3%), bunyi bising (2%), tumpahan minyak (1%), gegaran dan tanah. Jenis-jenis serta bilangan aduan yang diterima sepanjang tahun 2023 seperti di tunjukkan di dalam Jadual 6.



Jadual 6 : Pecahan Aduan Yang Diterima Mengikut Jenis Aduan, 2023

Negeri	Udara	Air	Buangan Terjadual	Bunyi Bising	Tanah	Gegaran	Tumpahan Minyak	Lain-lain	Jumlah
Terengganu	216	18	8	6	1	1	3	33	286

Rajah 4 : Peratusan Aduan Diterima Mengikut Jenis




Jadual 7 menunjukkan pecahan jenis aduan mengikut daerah sepanjang tahun 2023. Daerah yang paling banyak menerima aduan ialah Daerah Kemaman diikuti oleh Daerah Kuala Terengganu.

Jadual 7 : Pecahan Aduan Yang Diterima Mengikut Jenis Aduan, 2023

Bil	Daerah	Udara	Air	Buangan Terjadual	Gegaran	Bunyi Bising	Tanah	Tumpahan Minyak	Lain-lain	Jumlah
1	Kuala Terengganu	40	1	3		1	0	0	8	53
2	Kemaman	87	3	2		1	0	2	7	103
3	Dungun	31	5	2		2	1	0	2	42
4	Kuala Nerus	23	1	0		0	0	1	6	31
5	Marang	18	4	0		1	0	0	0	23
6	Setiu	6	1	0		0	0	0	2	10
7	Hulu Terengganu	5	2	0		1	0	0	3	11
8	Besut	6	1	1		0	0	0	5	13

Rajah 5 : Bilangan Aduan Mengikut Daerah 2023




Hasil siasatan ke atas semua aduan yang diterima mendapati sejumlah 241 kes aduan adalah berasas manakala selebihnya 31 kes aduan adalah diluar bidang kuasa jabatan ini dan dipanjangkan kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk siasatan lanjut. Status aduan yang diterima sepanjang tahun 2023 adalah seperti di Jadual 8.

Jadual 8 : Status Aduan Yang Diterima, 2023

Negeri	Jumlah	Jumlah Kes Selesai	Bidang Kuasa Berasas	Bidang Kuasa Tidak Berasas	Luar Bidang Kuasa	Kadar Penyelesaian (%)
Terengganu	286	286	241	14	31	100%

Rajah 6 : Peratusan Status Aduan Yang Diterima Tahun 2023



Program Pencegahan Pembakaran Terbuka

Pembakaran terbuka merupakan aduan udara yang paling banyak diterima oleh Jabatan ini. Pada tahun 2023, sebanyak 121 kes aduan pembakaran terbuka telah dilaporkan. Bilangan kes yang dikesan mengikut jenis kebakaran bagi tahun 2023 adalah seperti dalam Jadual 9 manakala Jadual 10 menunjukkan tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas aduan pembakaran terbuka yang diterima.



Jadual 9 : Bilangan Kes Pembakaran Terbuka Sepanjang Tahun 2023

Kebun Kecil	Belukar	Keagamaan	Hutan	Tapak Pelupusan Majlis	Tapak Pelupusan Haram	Tapak Binaan	Sampah Sarap	Lain-lain	Jumlah keseluruhan
2	3	1	0	2	1	2	50	60	121

Jadual 10 : Jenis-jenis Tindakan Yang Diambil Terhadap Kes Pembakaran Yang Dikesan

Arahan/ Amaran	Notis Arahan	Kompoun	Tindakan mahkamah	Luar Bidang Kuasa (Rujuk PBT/ Agensi Lain)
107	9	2	0	29

Daripada jumlah berkenaan, aduan pembakaran terbuka yang disebabkan oleh pembakaran sampah sarap di kawasan kejiranan, perumahan, kampung, kawasan lapang dan sebagainya merupakan penyumbang utama kepada statistik aduan iaitu sebanyak 50 aduan. Ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat mengenai kesan pembakaran terbuka kepada orang sekitarnya masih perlu dipertingkatkan demi memastikan kehidupan komuniti setempat yang lebih sihat dan harmoni.

Bagi memastikan setiap peringkat masyarakat memahami mengenai larangan pembakaran terbuka, pelbagai dialog dan ceramah telah diadakan di samping penyebaran poster-poster serta hebahan larangan pembakaran terbuka. Terdapat juga aktiviti meletakkan papan tanda larangan melakukan pembakaran terbuka di beberapa lokasi strategik bagi tujuan peringatan kepada orang ramai. Hebahan larangan melakukan pembakaran terbuka juga dibuat melalui media massa, media elektronik dan digital billboard. Aktiviti ini masih lagi diteruskan sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan ke arah melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap keadaan alam sekeliling.

Pada tahun 2023, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui Jabatan Alam Sekitar telah memperuntukkan sejumlah RM 1,252,190.40 bagi kerja-kerja pembangunan dan naik taraf serta penyelenggaraan telaga tiub dan sekatan saliran (*check dam*) lain-lain infrastruktur tanah gambut di Negeri Terengganu. Jadual 11 menunjukkan lokasi dan jumlah pembinaan projek infrastruktur yang telah siap dibina di negeri Terengganu.

Jabatan Alam Sekitar Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia serta Jabatan Mineral Geosains Malaysia juga telah melaksanakan Program Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut Yang Sering Terbakar melalui pembinaan infrastruktur iaitu telaga tiub (*tube well*) dan sekatan saliran (*check dam*) di kawasan tanah gambut termasuk di Negeri Terengganu sejak RMK 9. Di Terengganu pelaksanaan projek ini telah bermula pada tahun 2014 di mana sehingga kini terdapat sebanyak 8 telaga tiub, 53 *check dam* dan 1 kolam takungan telah dibina di kawasan tanah gambut di daerah Kemaman, Dungun, Kuala Nerus, Setiu dan Besut.

Jadual 11 : lokasi dan jumlah pembinaan projek infrastruktur yang telah siap dibina di negeri Terengganu

Tahun	Infra	Bilangan	Lokasi
2014	Sekatan Air (<i>Check Dam</i>)	10	Kg. Tok Kah, Dungun
2015	Sekatan Air (<i>Check Dam</i>)	6	Kg. Tok Kah, Dungun
		3	Kg. Darat, Lembah Bidong, Setiu
	Telaga Tiub (Eksplorasi) (<i>Tube Well</i>)	2	Kg. Tok Kah, Dungun
		1	Kg. Darat, Lembah Bidong, Setiu
	Kolam Takungan	1	Kg. Tok Kah, Dungun
	Pintu Air	1	Kg. Baroh Keranji, Besut
2016	Sekatan Air (<i>Check Dam</i>)	3	Kg. Tok Kah, Dungun
		3	Kg. Kuala Abang, Dungun
	Telaga Tiub (<i>Tube Well</i>)	1	Kg. Tok Kah, Dungun
		1	Kg. Rhu Batil, Dungun
2017	Sekatan Air (<i>Check Dam</i>)	4	Kg. Rhu Batil, Dungun
		2	Lembah Bidong, Setiu
		2	Paya Rawa, Besut
		1	Kg. Baru Kemasik, Kemaman
	Telaga Tiub (<i>Tube Well</i>)	1	RTB Gong Pasir
		1	Kg. Baru 7
2018	Sekatan Air (<i>Check Dam</i>)	1	Kg. Bukit Takal, Kemaman
		1	Kg. Chabang, Kemaman
		1	Kg. Mak Lagam, Kemaman
		1	Kawasan Perindustrian Tok Arun, Kemaman
		2	Kg. Kuala Abang, Dungun
		1	Kg. Tok Arun, Paka
		1	Lembah Bidong, Setiu
		2	Kg. Pecah Rotan, Kuala Nerus
	Telaga Tiub (<i>Tube Well</i>)	1	Kg. Paya Rawa, Besut
		1	Kg. Baru, Kemasik, Kemaman

Tahun	Infra	Bilangan	Lokasi
2019	Sekatan Air (<i>Check Dam</i>)	3	Lembah Bidong, Setiu
		1	Kg. Batu Tujuh, Dungun
		1	Kg. Jong Belabuh, Kemaman
	Telaga Tiub (<i>Tube Well</i>)	1	Kg. Tok Arun, Paka
2021	Sekatan Air (<i>Check Dam</i>)	2	Ladang Rakyat, Lembah Bidong, Setiu
		1	Kg. Mak Chili Paya, Kemaman
2022	Telaga Tiub (<i>Tube Well</i>)	1	Ladang Rakyat, Lembah Bidong, Setiu



Pengukuran In-Situ Di Sg Mat Awa, Wakaf Tapai, Marang Terengganu



Keadaan air Sungai Yang Kehitaman Dan Pekat Telah Menyebabkan Penurunan Kualiti Air




Unit Punca Tetap

Pemberitahuan Bertulis (Notifikasi)

Pada tahun 2023, JAS Terengganu telah menerima 5 pemberitahuan bertulis bagi pembinaan loji rawatan sisa kumbahan, 5 Pemberitahuan bertulis bagi punca baru atau yang telah diubah efluen perindustrian atau efluen bercampur, 30 pemberitahuan bertulis bagi alat kawalan pencemaran udara serta 50 pemberitahuan bertulis untuk pemasangan alat pembakaran bahan api seperti dandang dan alat janakuasa.


Rajah 7 : Bilangan Pemberitahuan Bertulis yang diterima pada Tahun 2023



Premis Yang Ditetapkan (PYDT)

Pada tahun 2023, sebanyak 25 premis telah dilesenkan di bawah seksyen 18(1) AKAS 1974, masing-masing mengikut pecahan seperti rajah dibawah.


Rajah 8 : Bilangan Premis Yang Dilesenkan



Premis Yang Bukan Ditetapkan

Pada tahun 2022, sebanyak 1017 premis PYBDT telah diperiksa di Zon 1 (Setiu, Besut, Kuala Nerus), Zon 2 (Kuala Terengganu, Dungun), Zon 3 (Marang, Hulu Terengganu) dan JAS Cawangan Kemaman.

Rajah 9 : Bilangan Pemeriksaan PYBDT 2023



Unit Pendakwaan – Mengikut Pertuduhan Dan Jumlah Denda Serta Jenis Kesalahan

Pada tahun 2023, sebanyak 13 kes telah diambil tindakan mahkamah di bawah AKAS 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya, masing-masing mengikut pecahan seperti rajah di bawah :

Jadual 12 : Pertuduhan, Jumlah Denda Dan Jenis Kesalahan Tahun 2023

Kesalahan	Bilangan Kes	Denda (RM)
Seksyen 16(1)	6	77,000.00
Seksyen 18	2	24,000.00
Seksyen 34A	3	68,000.00
PPKAS (PUB) 2014	2	11,000.00
Jumlah	13	180,000.00



BAHAGIAN PEMBANGUNAN 2023

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu

Unit EIA & Input Pembangunan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment - EIA) merupakan satu alat perancangan untuk membantu mengurangkan masalah alam sekitar yang wujud daripada pelaksanaan aktiviti pembangunan.

EIA adalah kajian untuk mengenalpasti, meramal, menilai dan memberi maklumat mengenai kesan-kesan kepada alam sekeliling bagi sesuatu cadangan projek dan mengemukakan cadangan langkah-langkah kawalan pencemaran sebelum projek berkenaan dilaksanakan.

Keperluan laporan EIA ini adalah untuk mematuhi Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah menetapkan bahawa sesiapa yang bermaksud hendak menjalankan sesuatu aktiviti yang ditetapkan di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 hendaklah mengemukakan satu laporan kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling untuk kelulusan sebelum projek dijalankan. Sekeliling untuk kelulusan sebelum projek dijalankan.

EIA ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (SCHEDULE 1)

THE PROPOSED BLACK PEPPER SPICE FARM ON LOT PT6588, PT6589 AND PT6530, BUKIT BIDONG, MUKIM MERANG, DAERAH SETIU, TERENGGANU DARUL IMAN

PROJECT PROPONENT

McCORMICK GLOBAL INGREDIENTS MALAYSIA SDN. BHD.
SUITE 21.01, LEVEL 21, THE GARDEN SOUTH TOWER,
MIDVALLEY CITY, LINGKARAN SYED PUTRA,
59200 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

EIA CONSULTANT

ASIAN ENVIRONMENTAL SOLUTIONS SDN. BHD.
C3-2-1, SOLARIS DUTAMAS, NO.1, JALAN DUTAMAS 1,
50480 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

SEPTEMBER 2021




Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) Tahun 2023

Bagi tahun 2023 sejumlah 27 laporan telah diterima dan diproses. Daripada jumlah tersebut sebanyak 22 laporan lulus bersyarat dan lima (5) laporan ditolak. Rajah 10 menunjukkan bilangan dan status pemrosesan Laporan EIA yang diterima dan diproses oleh JAS Terengganu pada tahun 2014 sehingga 2023.



Rajah 10 : Bilangan Laporan EIA yang diterima dan diproses pada tahun 2014 sehingga 2023




Laporan Eia Diterima Mengikut Jenis Aktiviti

Daripada 27 laporan EIA yang diterima pada tahun 2023, sebanyak 19% laporan EIA di bawah aktiviti 5(b) merupakan aktiviti yang tertinggi iaitu projek pembalakan meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar dengan disusuli 11% di bawah aktiviti 14(a) dan 20(c) iaitu bagi aktiviti pembangunan kemudahan

pengolahan buangan terjadual dan aktiviti pembangunan projek jalan. Rajah 11 menunjukkan bilangan laporan EIA yang diterima mengikut jenis aktiviti utama iaitu pertanian, perhutanan, perindustrian, perlombongan, pembangunan medan gas, penjaanaan kuasa, pembangunan di cerun, pengolahan dan pelupusan buangan, pembangunan estet perindustrian, pengkuarian dan pembinaan jalan.

Rajah 11 : Bilangan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti, Pada Tahun 2023




Unit Input Pembangunan Penilaian Awal Tapak (PAT)

Penilaian Awal Tapak (PAT) bagi cadangan- cadangan projek pembangunan baru adalah bertujuan untuk memastikan bahawa input alam sekitar diambil kira dan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Pihak Berkuasa yang meluluskan projek dalam membuat keputusan terhadap permohonan yang diterima.

Kedudukan dan kesesuaian tapak cadangan projek dinilai berdasarkan jenis pembangunan, keadaan alam sekitar sedia ada serta pengezonan (zoning) dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD). Bagi cadangan penempatan industri, jenis proses, bahan mentah dan alat kawalan yang dicadangkan diambil kira untuk menilai impak selain memastikan zon penampungan yang mencukupi disediakan. Pendekatan ini bertujuan memastikan kesan-kesan negatif yang ketara terhadap alam sekitar dapat dihindari dan dikenal pasti di peringkat awal.


Pada tahun 2023, sebanyak 485 permohonan diterima. Secara keseluruhannya, bilangan permohonan PAT yang diterima bagi tahun 2016-2023 Rujuk Rajah 12.

**Rajah 12: Permohonan PAT Dari Tahun 2016 sehingga Tahun 2023
Bilangan Permohonan Input Pembangunan Mengikut Tahun**




Daerah Dungun mendahului daerah-daerah lain dalam jumlah permohonan yang diterima, di mana jenis permohonan yang diterima. Ini diikuti oleh Daerah Kemaman bagi seterusnya Daerah Marang. Rujuk rajah 13.

Rajah 13 : Bilangan Permohonan Input Pembangunan Mengikut Daerah Tahun 2023



Rajah 14 : Peratus Permohonan PAT Mengikut Jenis Aktiviti Bagi Tahun 2023
Peratusan Permohonan Mengikut Daerah Tahun 2023



Lawatan Tapak (Penilaian Awal Tapak)



Penguatkuasaan Projek EIA

Pada tahun 2023, sebanyak 102 siasatan telah dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan EIA. Hasil siasatan mendapati terdapat 2 projek tidak patuh kepada syarat – syarat kelulusan Laporan EIA. Tindakan Notis Arahan telah dikeluarkan kepada pemaju. Langkah penambahbaikan dan pematuhan kepada notis arahan telah dijalankan oleh pihak pemaju. Rujuk Jadual 13

Jadual 13 : Status Pematuhan Projek EIA Sepanjang Tahun 2023

2023				
Sasaran Projek	Pencapaian Bilangan Projek	Sasaran Bilangan Lawatan	Pencapaian Bilangan Lawatan	Pematuhan Projek
36	36	99	102	34 (94.4%)

Penguatkuasaan Syarat – Syarat Kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)

Penguatkuasaan EIA dilaksanakan bagi memastikan penggerak projek/pemaju mematuhi sepenuhnya syarat-syarat kelulusan Laporan EIA yang telah ditetapkan selaras dengan kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Fokus utama pemeriksaan di tapak projek adalah pada peringkat pembersihan tapak, aktiviti kerja tanah dan pembinaan. Pada peringkat ini amalan "Best Management Practices (BMPs)" adalah penting dengan pelaksanaan dan penyediaan peralatan kawalan hakisan tanah dan kawalan perlindungan cerun bagi mencegah air larian permukaan dari tapak projek memasuki alur air

dan sungai-sungai berhampiran sekaligus boleh menyebabkan pencemaran berlaku.

Langkah kawalan perlindungan cerun seperti *hydroseeding*, *close turfing*, *rock revetment*, *silt fence* dan penanaman tumbuhan penutup bumi hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh oleh pihak pemaju bagi mengawal hakisan tanah berlaku. Di samping itu juga kawalan perlindungan sementara ke atas kawasan yang sedang dibangunkan dan terdedah kepada hakisan tanah dan kelodakan juga perlu diberi perhatian seperti penyediaan plastic sheet sebelum langkah kawalan kekal di laksanakan.



Wakil pemaju dan pegawai JAS Terengganu di tapak



Kawasan yang telah di baik pulih



Kawasan yang telah di baik pulih



Tapak Projek Di Kg Anak Ikan Besut

Program-Program Komunikasi, Pendidikan Dan Kesedaran Awam (CEPA) Di Bawah Unit Pendidikan & Kesedaran Alam Sekitar JAS Terengganu Tahun 2023

Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Terengganu 2023

Hari Alam Sekitar Negara merupakan acara tahunan yang telah disambut semenjak tahun 1989. Pada ketika itu ia dikenali sebagai Minggu Alam Sekitar Negara yang disambut pada tanggal 21 hingga 27 haribulan Oktober. Walau bagaimanapun, pada tahun 2016, Minggu Alam Sekitar Negara telah dijenamakan kepada Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada setiap 21 haribulan Oktober di Peringkat Kebangsaan.

Hasrat Kerajaan Persekutuan dengan sokongan Kerajaan Negeri, agar penetapan secara simbolik hari “perayaan alam sekitar” ini akan dapat dirasai dan diingati oleh setiap rakyat Malaysia bagi melambangkan semangat kebersamaan dalam mengharungi cabaran pengurusan alam sekitar yang semakin kompleks.



Majlis Perasmian disempurnakan oleh YB. Profesor Doktor Zuhairah Ariff binti Abd. Ghadas Timbalan Naib Cencelor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Sultan Zainal Abidin



Ucapan aluan disampaikan oleh YBRs. Encik Ramli bin Abd. Rahman, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu



Pelbagai lapisan masyarakat memeriahkan Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Terengganu 2023



Pameran Jabatan/ Agensi antara aktiviti yang mendapat sambutan sempena majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Terengganu 2023



Peserta seminar terdiri daripada pihak industri, pelajar dan komuniti



Pameran Jabatan/ Agensi antara aktiviti yang mendapat sambutan sempena majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Terengganu 2023



Program mewarna antara aktiviti yang mendapat sambutan sempena majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Terengganu 2023



Aktiviti "Sustainable Walk" antara aktiviti yang dijalankan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Terengganu 2023



Aktiviti NAKUDAH antara aktiviti yang dijalankan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Terengganu 2023



Aktiviti Hijaukan Bumi antara aktiviti yang dijalankan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Terengganu 2023

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu mensasarkan **10,000** bilangan pokok yang akan ditanam bermula tahun **2021-2025**.

Sehingga tahun **2023** Jabatan Alam Sekitar telah menganjurkan program penghijauan seperti data di bawah :

Jadual 14 : Jumlah Pokok Yang Ditanam Oleh JAS Terengganu

Tahun	Program	Bilangan Pokok
2021	Program Bersama Ecocare	700
2022	Program Bersama Ecocare	570
2023	Program Bersama Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu Sempena Keputeraan Sultan Terengganu	5000
2023	Program Bersama WWF	150
2023	Program Bersama Petronas Sempena Hari Alam Sekitar Negara – Kerjasama Unisza	200
2023	Program Bersama Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu Sempena Hari Alam Sekitar Negara	1000

Jumlah pokok yang telah ditanam oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu ialah **7850** anak pokok.





Program Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2023



Majlis Perasmian disempurnakan oleh YBRs. Encik Ramli bin Abd. Rahman, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu



Sesi demonstrasi penggunaan peralatan pengukuran gas-gas



Peserta seminar terdiri daripada pihak industri, pelajar dan komuniti

Unit Pengawasan

Jadual 15 di bawah menunjukkan Jenis stesen dan bilangan lokasi stesen bagi pengawasan kualiti air oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu tahun 2023

Jadual 15 : Jenis Stesen Dan Bilangan Lokasi Stesen Bagi Pengawasan Kualiti Air

Bil	Jenis Stesen	Bilangan Stesen
1	Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai (<i>Manual</i>)	69
2	Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai (<i>Automatik</i>)	2
3	Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah	16
4	Stesen Pengawasan Air Marin	40
5	Stesen Pengawasan Air Marin (<i>Automatik</i>)	1
6	Stesen Pengawasan Udara	4

Sekian Terima Kasih



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU

Wisma Alam Sekitar , Off Jalan Sultan Omar , 20300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Telefon : 09-6261044 /6247110/159

Faks : 09-6226877/09-6227877

Laman Web : www.doe.gov.my



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU
Wisma Alam Sekitar , Off Jalan Sultan Omar , 20300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
Telefon : 09-6261044 /6247110/159
Faks : 09-6226877/09-6227877
Laman Web : www.doe.gov.my

"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"